

Dasar Perhutanan Malaysia garis hala tuju negara

Oleh OMAR ZIN
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Buat pertama kali dalam sejarah, Dasar Perhutanan Malaysia diperkenalkan bagi menggariskan hala tuju sektor perhutanan negara dalam mendepani cabaran baharu masa akan datang.

Dalam majlis pelancaran dasar tersebut bersempena dengan sambutan Hari Hutan Antara-bangsa Peringkat Kebangsaan 2021, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, dasar itu dibentuk ketika mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) ke-78 pada 29 Januari lalu.

Beliau berkata, mesyuarat itu menyaksikan penyatuan julung kalinya semua negeri dalam bidang pengurusan perhutanan negara yang telah menjangkau usia 120 tahun.

"Pada mesyuarat tersebut, semua kerajaan negeri bersetuju dan menerima Dasar Perhutanan Malaysia yang menggariskan hala tuju jelas kepada sektor perhutanan dalam mendepani cabaran-cabaran baharu di peringkat domestik dan antara-bangsa.

"Saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada semua kerajaan negeri yang bersungguh-sungguh melalui proses perundingan yang panjang sehingga terhasilnya Dasar Per-



MUHYIDDIN YASSIN

hutanan Malaysia yang inklusif dengan mengambil kira kepentingan Semenanjung, Sabah dan Sarawak," katanya.

Muhyiddin berkata, pendigitalan pengurusan hutan akan terus dimantapkan dalam tempoh 2021 hingga 2025 melalui 'Projek Pemerkasaan Taktikal Penguatkuasaan Hutan, Penguatkuasaan Prosedur dan Pembangunan Teknologi Penguatkuasaan' yang dilaksanakan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

"Ia merupakan program

strategik menggunakan teknologi bersepadu yang dapat mengawal kegiatan pembalakan haram dan penyelewengan oleh pembalok semasa operasi pembalakan.

"Selain itu, penggunaan teknologi hiperspektral oleh Jabatan Hutan Sarawak bagi menjalankan misi pemetaan dan pemantauan udara akan dikembangkan ke seluruh negara. Teknologi ini, antaranya boleh digunakan bagi tujuan pengesanan dan penyampaian maklumat taktikal untuk mem-

banteras kegiatan pembalakan haram dan memantau sempadan negara," katanya.

Pada masa sama, Muhyiddin menyeru rakyat sama-sama menjayakan Agenda Nasional Penghijauan Malaysia selepas kempen dengan tema 'Penghijauan Malaysia: Pokok Kita, Kehidupan Kita' telah merekodkan penanaman lebih empat juta pokok dan 400 spesies oleh pelbagai lapisan masyarakat termasuk individu, organisasi-organisasi kerajaan dan syarikat swasta.

"Dasar Perhutanan Malaysia adalah dasar kita bersama. Kita semua harus bertindak dan memainkan peranan lebih aktif sebagai ejen konservasi dan penggerak pembangunan sosi-ekonomi negara.

"Saya berharap usaha bersama kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri dalam melaksanakan kelima-lima objektif Dasar Perhutanan Malaysia akan terus padu bagi mencapai sasaran yang dihasratkan," katanya.

Tahun ini, kerajaan menyediakan peruntukan RM34.5 juta untuk kerja-kerja restorasi hutan terosot di seluruh negara, dengan kerajaan-kerajaan negeri diseru melipatgandakan usaha memulihkan kawasan hutan terosot melalui *nature-based solutions* terutamanya dalam kawasan sensitif alam sekitar.